

SOALAN NO : 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK
[KUALA PILAH]
TARIKH :
SOALAN : 65

YB Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit buah pinggang di Malaysia dan apakah bantuan yang dihulurkan kepada pesakit golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2015, terdapat 32,667 pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis di Malaysia dan seramai 7,597 pesakit baru yang memulakan rawatan dialisis.

Kerajaan membantu pesakit yang kurang mampu yang menjalani rawatan hemodialisis di pusat dialisis NGO dengan memberi bantuan subsidi sebanyak RM 50 setiap rawatan hemodialisis serta bantuan suntikan erythropoietin.